



31 Mac 2015
31 March 2015
P.U. (A) 62

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNG
(LANGKAH PERLINDUNGAN) (PERJANJIAN
PERDAGANGAN BARANGAN DI BAWAH PERJANJIAN
RANGKA KERJA MENGENAI KERJASAMA EKONOMI
KOMPREHENSIF ANTARA PERTUBUHAN BAGI
NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA DAN
REPUBLIK INDIA) 2015

*SAFEGUARDS (SAFEGUARD MEASURE)
(AGREEMENT ON TRADE IN GOODS UNDER THE
FRAMEWORK AGREEMENT ON COMPREHENSIVE
ECONOMIC CO-OPERATION BETWEEN THE
ASSOCIATION OF SOUTHEAST ASIAN NATIONS AND
THE REPUBLIC OF INDIA) REGULATIONS 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PELINDUNG 2006

PERATURAN-PERATURAN PELINDUNG (LANGKAH PERLINDUNGAN)
(PERJANJIAN PERDAGANGAN BARANGAN DI BAWAH PERJANJIAN RANGKA KERJA
MENGENAI KERJASAMA EKONOMI KOMPREHENSIF ANTARA PERTUBUHAN BAGI
NEGARA-NEGARA ASIA TENGGARA DAN REPUBLIK INDIA) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 40A(2) Akta Pelindung 2006 [Akta 657], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pelindung (Langkah Perlindungan) (Perjanjian Perdagangan Barangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja mengenai Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan Republik India) 2015.**

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 1 April 2015.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini—

“AIFTA” ertinya Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN-India di bawah Perjanjian Rangka Kerja mengenai Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan Republik India;

“MFN” ertinya negara keutamaan;

“Perjanjian” ertinya Perjanjian Perdagangan Barangan di bawah Perjanjian Rangka Kerja mengenai Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan Republik India yang ditandatangani pada 13 Ogos 2009 di Bangkok, Thailand;

“Perjanjian Rangka Kerja” ertinya Perjanjian Rangka Kerja mengenai Kerjasama Ekonomi Komprehensif antara Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan Republik India yang ditandatangani pada 8 Oktober 2003 di Bali, Indonesia;

“Pihak” ertinya suatu pihak kepada Perjanjian Rangka Kerja yang secara individu merujuk kepada suatu Negara Anggota Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara atau Republik India;

“Pihak-Pihak” ertinya pihak-pihak kepada Perjanjian Rangka Kerja.

Objektif

3. Objektif Peraturan-Peraturan ini adalah untuk melaksanakan peruntukan mengenai langkah perlindungan di bawah Perjanjian.

Langkah perlindungan

4. Pengeanaan langkah perlindungan berhubung dengan peningkatan import barangan dari Negara Anggota Pertubuhan bagi Negara-Negara Asia Tenggara dan Republik India yang telah menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan yang serius terhadap industri dalam negeri adalah tertakluk kepada peruntukan Jadual.

JADUAL
[Peraturan 4]
Langkah Perlindungan
(Perkara 10 Perjanjian)

1. Setiap Pihak, yang merupakan anggota WTO, akan mengekalkan hak dan obligasinya di bawah Perkara XIX GATT 1994 dan Perjanjian mengenai Pelindung dalam Lampiran 1A kepada Perjanjian WTO (Perjanjian mengenai Pelindung) dan Perkara 5 Perjanjian mengenai Pertanian dalam Lampiran 1A kepada Perjanjian WTO (Perjanjian mengenai Pertanian). Apa-apa tindakan yang diambil menurut Perkara XIX GATT 1994 dan Perjanjian mengenai Pelindung atau Perkara 5 Perjanjian mengenai Pertanian tidaklah tertakluk kepada Perjanjian mengenai Mekanisme Penyelesaian Pertikaian di bawah Perjanjian Rangka Kerja (Perjanjian ASEAN-India DSM).

2. Suatu Pihak hendaklah mempunyai hak untuk memulakan langkah perlindungan di bawah Perkara ini (suatu langkah perlindungan AIFTA) atas suatu barangan dalam tempoh peralihan bagi barangan itu. Tempoh peralihan bagi sesuatu barangan bermula dari tarikh kuat kuasa Perjanjian ini dan tamat lima (5) tahun dari tarikh penyelesaian penurunan/penghapusan tarif bagi barangan itu.

3. Suatu Pihak hendaklah bebas untuk mengambil langkah perlindungan AIFTA jika, sebagai kesan obligasi yang ditanggung oleh Pihak itu di bawah Perjanjian ini, sesuatu barangan diimport daripada Pihak-Pihak lain yang konsesi tarif telah dibuat bagi barangan itu dalam kuantiti yang meningkat, secara mutlak atau relatif kepada pengeluaran dalam negeri, dan dalam sesuatu keadaan yang sebahagian besarnya menyebabkan atau mengancam untuk menyebabkan kemudaratan serius kepada industri dalam negeri Pihak yang mengimport yang mengeluarkan barangan yang serupa atau yang bersaing secara langsung dalam wilayahnya.

4. Jika suatu langkah perlindungan AIFTA diambil, sesuatu Pihak yang mengambil langkah itu boleh:

- (a) menangguhkan penurunan lanjut mana-mana kadar tarif di bawah Perjanjian ini bagi barangan itu; atau
- (b) menaikkan kadar tarif atas barangan berkenaan ke suatu tahap tidak melebihi kadar yang paling kurang:
 - (i) kadar tarif MFN atas barangan itu yang terpakai pada masa langkah diambil; atau
 - (ii) kadar tarif MFN atas barangan itu yang terpakai pada hari sebaik sebelum tarikh berkuat kuasanya Perjanjian ini.

5. Suatu langkah perlindungan AIFTA boleh dikekalkan bagi suatu tempoh permulaan sehingga tiga (3) tahun dan boleh dilanjutkan bagi suatu tempoh yang tidak melebihi satu (1) tahun jika ditetapkan menurut tatacara yang disebut dalam perenggan 6 bahawa langkah itu terus menjadi perlu untuk menghalang atau meremedi kemudaratan serius dan untuk memudahkan penyesuaian dan bahawa terdapatnya keterangan bahawa industri dalam negeri sedang membuat penyesuaian. Walau apa pun tempoh sesuatu langkah perlindungan AIFTA atas barangan itu, langkah itu hendaklah tamat pada akhir tempoh peralihan bagi barangan itu.

6. Apabila mengenakan langkah perlindungan AIFTA, Pihak-Pihak hendaklah menerima pakai dan mengenakan, *mutatis mutandis*, kaedah-kaedah bagi pengenaaan langkah perlindungan, termasuklah langkah sementara, sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Perjanjian mengenai Pelindung, kecuali langkah sekatan kuantitatif yang dinyatakan dalam Perkara 5 dan 7, dan juga Perkara 9, 13 dan 14 Perjanjian mengenai Pelindung.

7. Suatu langkah perlindungan AIFTA tidak boleh dikenakan terhadap suatu barangan yang berasal dari wilayah sesuatu Pihak, selagi bahagian import barangan berkenaan Pihak itu dalam wilayah Pihak yang mengimport tidak melebihi tiga (3) peratus daripada jumlah import Pihak-Pihak.

8. Dalam menuntut ganti rugi di bawah Perkara 8 Perjanjian mengenai Pelindung bagi sesuatu langkah perlindungan AIFTA, Pihak-Pihak yang berkenaan hendaklah meminta jasa baik Jawatankuasa Bersama yang ditubuhkan di bawah Perkara 17 untuk menentukan tahap konsesi setara yang substantif dengan tahap sedia ada di bawah Perjanjian ini antara Pihak yang mengambil langkah perlindungan itu dan Pihak yang mengeksport yang sepatutnya akan terjejas dengan langkah itu sebelum apa-apa penangguhan konsesi yang setara. Apa-apa prosiding yang berpunca daripada jasa baik itu hendaklah diselesaikan dalam 90 hari dari tarikh langkah perlindungan AIFTA itu dikenakan.

9. Jika tiada persetujuan mengenai ganti rugi dicapai dalam tempoh masa yang ditetapkan dalam perenggan 8, Pihak-Pihak berkenaan hendaklah bebas untuk menangguhkan pengenaan konsesi tarif di bawah Perjanjian ini, yang setara substantif kepada langkah perlindungan AIFTA atas barangan yang berasal daripada Pihak yang mengenakan langkah perlindungan AIFTA.

10. Apabila suatu Pihak menamatkan langkah perlindungan AIFTA atas suatu barangan, kadar tarif bagi barangan itu hendaklah pada kadar yang, mengikut jadual pengurangan dan penghapusan tarif Pihak itu sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran 1 sepatutnya berkuat kuasa jika langkah itu tidak dikenakan.

11. Walau apa pun peruntukan dalam Perkara ini, tiada Pihak boleh mengambil langkah perlindungan AIFTA atas barangan yang tindakan telah dikenakan menurut Perkara XIX GATT 1994 dan Perjanjian mengenai Pelindung atau Perkara 5 Perjanjian mengenai Pertanian. Apabila suatu Pihak ingin mengenakan, menurut Perkara XIX GATT 1994 dan Perjanjian mengenai Pelindung atau Perkara 5 Perjanjian mengenai Pertanian, tindakan atas barangan yang sedang dikenakan langkah perlindungan AIFTA, Pihak itu hendaklah menamatkan langkah perlindungan AIFTA itu sebelum pengambilan tindakan dikenakan menurut Perkara XIX GATT 1994 dan Perjanjian mengenai Pelindung atau Perkara 5 Perjanjian mengenai Pertanian.

12. Semua komunikasi dan dokumentasi rasmi yang ditukarkan antara Pihak-Pihak dan dengan Jawatankuasa Bersama yang berhubungan dengan langkah perlindungan AIFTA hendaklah secara bertulis dan dalam bahasa Inggeris.

Dibuat 10 Mac 2015

[MITI:ID/AP/(S)/SG/1; PN(PU2)647/IV]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

SAFEGUARDS ACT 2006

SAFEGUARDS (SAFEGUARD MEASURE) (AGREEMENT ON TRADE IN GOODS UNDER THE FRAMEWORK AGREEMENT ON COMPREHENSIVE ECONOMIC CO-OPERATION BETWEEN THE ASSOCIATION OF SOUTHEAST ASIAN NATIONS AND THE REPUBLIC OF INDIA) REGULATIONS 2015

IN exercise of the powers conferred by subsection 40A(2) of the Safeguards Act 2006 [Act 657], the Minister makes the following regulations:

Citation and commencement

1. (1) These regulations may be cited as the **Safeguards (Safeguard Measure) (Agreement on Trade in Goods under the Framework Agreement on Comprehensive Economic Co-operation between the Association of Southeast Asian Nations and the Republic of India) Regulations 2015**.

(2) These Regulations come into operation on 1 April 2015.

Interpretation

2. In these Regulations—

“AIFTA” means the ASEAN-India Free Trade Area under the Framework Agreement on Comprehensive Economic Co-operation between the Association of Southeast Asian Nations and the Republic of India;

“MFN” means most-favoured-nation;

“Agreement” means the Agreement on Trade in Goods under the Framework Agreement on Comprehensive Economic Co-operation between the Association of Southeast Asian Nations and the Republic of India signed on 13 August 2009 at Bangkok, Thailand;

“Framework Agreement” means the Framework Agreement on Comprehensive Economic Co-operation between the Association of Southeast Asian Nations and the Republic of India signed on 8 October 2003 at Bali, Indonesia;

“Party” means a party to the Framework Agreement individually referring to a Member State of the Association of Southeast Asian Nations or the Republic of India;

“Parties” mean the parties to the Framework Agreement.

Objective

3. The objective of these Regulations is to implement the provisions on the safeguard measure under the Agreement.

Safeguard measure

4. The application of the safeguard measure in relation to the increased imports of the goods from the Member States of the Association of Southeast Asian Nations and the Republic of India which have caused or threaten to cause serious injury to the domestic industry is subject to the provisions of the Schedule.

SCHEDULE
[Regulation 4]
Safeguard Measures
(Article 10 of the Agreement)

1. Each Party, which is a WTO Member, retains its rights and obligations under Article XIX of GATT 1994 and the Agreement on Safeguards in Annex 1A to the WTO Agreement (Agreement on Safeguards) and Article 5 of the Agreement on Agriculture in Annex 1A to the WTO Agreement (Agreement on Agriculture). Any action taken pursuant to Article XIX of GATT 1994 and the Agreement on Safeguards or Article 5 of the Agreement on Agriculture shall not be subject to the Agreement on Dispute Settlement Mechanism under the Framework Agreement (ASEAN-India DSM Agreement).
2. A Party shall have the right to initiate a safeguard measure under this Article (an AIFTA safeguard measure) on a good within the transition period for that good. The transition period for a good shall begin from the date of entry into force of this Agreement and end five (5) years from the date of completion of tariff reduction/elimination for that good.
3. A Party shall be free to take an AIFTA safeguard measure if, as an effect of the obligations incurred by that Party under this Agreement, a good is being imported from the other Parties to which tariff concession was made for that good in such increased quantities, absolute or relative to domestic production, and under such conditions so as to substantially cause or threaten to cause serious injury to the domestic industry of the importing Party that produces like or directly competitive goods in its territory.
4. If an AIFTA safeguard measure is taken, a Party taking such a measure may:
 - (a) suspend the further reduction of any tariff rate under this Agreement for the good; or

- (b) increase the tariff rate on the good concerned to a level not to exceed the lesser of:
 - (i) the applied MFN tariff rate on the good in effect at the time the action is taken; or
 - (ii) the applied MFN tariff rate on the good in effect on the day immediately preceding the date of entry into force of this Agreement.

5. An AIFTA safeguard measure may be maintained for an initial period of up to three (3) years and may be extended for a period not exceeding one (1) year if it is determined pursuant to the procedures referred to in paragraph 6 that the measure continues to be necessary to prevent or remedy serious injury and to facilitate adjustment and that there is evidence that the domestic industry is adjusting. Notwithstanding the duration of an AIFTA safeguard measure on the good, such a measure shall terminate at the end of the transition period for that good.

6. In applying an AIFTA safeguard measure, the Parties shall adopt and apply, *mutatis mutandis*, the rules for the application of safeguard measures, including provisional measures, as provided under the Agreement on Safeguards, with the exception of the quantitative restriction measures set out in Articles 5 and 7, and also, Articles 9, 13, and 14 of the Agreement on Safeguards.

7. An AIFTA safeguard measure shall not be applied against a good originating in the territory of a Party so long as its share of imports of the good concerned in the importing Party does not exceed three (3) per cent of the total imports of that good from the other Parties.

8. In seeking compensation under Article 8 of the Agreement on Safeguards for an AIFTA safeguard measure, the Parties concerned shall seek the good offices of the Joint Committee established under Article 17 to determine the substantially equivalent level of concessions to that existing under this Agreement between the Party taking the safeguard measure and the exporting Parties which would be affected by such a measure prior to any suspension of equivalent concessions. Any proceedings arising from such good offices shall be completed within 90 days from the date on which the AIFTA safeguard measure was applied.

9. If no agreement on the compensation is reached within the timeframe specified in paragraph 8, the Parties concerned shall be free to suspend the application of tariff concessions under this Agreement, which is substantially equivalent to the AIFTA safeguard measure on originating goods of the Party applying the AIFTA safeguard measure.

10. On a Party's termination of an AIFTA safeguard measure on a good, the tariff rate for that good shall be the rate that, according to that Party's schedule of tariff reduction and elimination as set out in Annex 1 would have been in effect had the measure not been applied.

11. Notwithstanding the provisions of this Article, no Party may impose an AIFTA safeguard measure on a good to which actions are being applied pursuant to Article XIX of GATT 1994 and the Agreement on Safeguards or Article 5 of the Agreement on Agriculture. When a Party intends to apply, pursuant to Article XIX of GATT 1994 and the Agreement on Safeguards or Article 5 of the Agreement on Agriculture, an action on a good to which an AIFTA safeguard measure is being applied, it shall terminate the AIFTA safeguard measure prior to the imposition of the action to be applied pursuant to Article XIX of GATT 1994 and the Agreement on Safeguards or Article 5 of the Agreement on Agriculture.

12. All official communications and documentations exchanged among the Parties and with the Joint Committee relating to an AIFTA safeguard measure shall be in writing and shall be in the English language.

Made 10 March 2015
[MITI:ID/AP/(S)/SG/1; PN(PU2)647/IV]

DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
Minister of International Trade and Industry